



Penjagaan

Paliatif

Dengan perkhidmatan penjagaan paliatif yang komprehensif, kami membantu pesakit hidup dengan lebih selesa sebelum mereka sampai ke akhir hayatnya.

Perkhidmatan ini merangkumi rawatan keseluruhan kepada pesakit untuk memberi keselesaan serta mutu kehidupan yang baik semasa mereka menjalani rawatan.

Rawatan kami disesuaikan untuk setiap individu.

Kami akan menempuhi perjalanan ini bersama pesakit dan serta keluarga mereka juga.

•Salah tanggapan (mitos) mengenai penjagaan paliatif:

•Mitos #1: Hanya pesakit sahaja yang akan mendapat manfaat daripada rawatan paliatif.

•Fakta: Ahli keluarga dan penjaga juga akan mendapatkan manfaatnya.

•Mitos #2: Penjagaan paliatif hanya untuk orang yang menghampiri akhir hayatnya.

•Fakta: Penjagaan paliatif boleh didapati di setiap peringkat penyakit serius.

•Mitos #3: Penjagaan paliatif hanya untuk menghilangkan rasa sakit dan gejala masalah fizikal yang lain.

•Fakta: Penjagaan paliatif tidak hanya membantu mengurangkan penderitaan, ia juga menjaga maruah dan memberikan mutu hidup yang lebih baik.



Disesuaikan daripada Singapore Hospice Council (2018), Myths vs Facts.

Penjagaan Paliatif

- Mengurus simptom
- Mengurus rasa sakit
- Sokongan psikososial
- Aktiviti rekreasi
- Sokongan dalam menghadapi kesedihan apabila kehilangan orang tersayang
- Sokongan dalam kepercayaan peribadi
- Kaunseling atau hikmat nasihat



Aktiviti rekreasi seperti kesenian, memasak dan aktiviti bersiar-siar dapat meningkatkan mutu kehidupan.

Pasukan pelbagai disiplin:

- Doktor
- Jururawat
- Ahli fisioterapi, ahli terapi pemulihan carakerja, ahli terapi pertuturan
- Ahli terapi kesenian dan muzik
- Ahli farmasi
- Pekerja sosial perubatan
- Penyelaras penjagaan
- Kakitangan penjagaan pastoral

Wad khas

- Mempunyai 16 katil
- Diadakan kawasan kegiatan
- Mempunyai ruangan khas untuk perbincangan bersama ahli keluarga dengan pasukan penjagaan paliatif



Kisah-kisah pesakit

Madam Wong (bukan nama sebenar) berjaya memasak sepinggan nasi goreng untuk suaminya di dapur Hospital St. Lukes sebelum dia meninggal dunia. Keinginannya untuk memasak buat kali terakhir menjadi kenyataan.

Ketika ahli keluarga pesakit tidak hadir pada saat terakhir, jururawat bergilir-gilir bersama pembantunya, meyakinkannya bahawa dia tidak akan bersendirian ketika dia menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Bukan hanya pesakit yang mendapat sokongan. Penjaga mereka juga tidak dilupakan. Seorang anak perempuan pesakit menderita setelah ayahnya meninggal. Dia masih mengunjungi hospital kerana ibunya juga seorang pesakit. Dia memberitahu kakitangan penjagaan pastoral yang telah menjaga ayahnya bahawa dia tidak berani memasuki wad mendiang bapanya kerana terharu.

Kakitangan tersebut memberikan dia semangat dan turut menemaninya ke wad itu. Dia melihat ada pesakit baru di sana. Kakitangan mengesahkan pemerhatiannya dan meyakinkannya bahawa dia boleh menutup bab itu dalam hidupnya.

St Luke's Hospital

2 Bukit Batok Street 11 Singapore 659674

Tel: 6563 2281 Fax: 6561 8205

Email: general@stluke.org.sg

● slh.org.sg ● [fb.com/slhsg](https://www.facebook.com/slhsg) ● giving.sg/slh



Office hours

Mon–Fri

8.30 am–5.30 pm

Sat

8.30 am–12.30 pm

Closed on Sundays
and public holidays

Visiting hours

Mon–Sun

10.00 am–8.00 pm

By MRT

Alight at Bukit Batok MRT Station, take feeder service 991 from Bukit Batok Bus Interchange.

By car

Limited car park lots are available within the hospital. Additional car parks are available at Blk 142, 160 and 161. A multi-storey car park is located at Blk 154A.

Posed photos of patients and clients are for illustration only.